

# Dunia perlu sepakat bela rakyat Palestin

UM-14/5/2004: 2

**P**UTRAJAYA 13 Mei — Setiap warga dunia perlu sepakat menggerakkan kempen secara global bagi menyuarakan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kempen seumpama itu sebelum ini telah terbukti berjaya menamatkan penindasan ke atas penduduk kulit hitam di Afrika Selatan ekoran dasar Apartheid.

“Saya percaya bahawa inilah masanya untuk penduduk dunia yang penyayang melakukan sesuatu untuk rakyat Palestin,” katanya ketika merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Mengenai Palestin di sini hari ini.

Sehubungan itu katanya, ia merupakan cabaran yang memerlukan tindakan daripada masyarakat di kalangan negara-negara NAM.

Bercakap pada sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri berkata, masyarakat dunia mesti terus menyatakan pendangan mereka secara jelas dan lantang yang menentang segala bentuk keganasan.

Katanya, beliau percaya dengan suara yang sepakat akan memberi

kan tekanan kepada pihak yang terbabit supaya bertanggungjawab untuk membela nasib rakyat Palestin yang tertindas.

Katanya, bagi NAM walaupun kebanyakan anggotanya terdiri daripada negara dunia ketiga, namun ia akan cuba mela-

kukan sedaya mungkin untuk membangkitkan kesedaran dunia terhadap isu Palestin.

Malah katanya, rakyat Malaysia dan negara-negara Islam yang lain sentiasa menyuarakan bantahan terhadap kekejaman Israel itu.

Mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri NAM itu, Abdullah berharap satu deklarasi yang berasaskan pakatan dan pendirian tegas dapat diputuskan untuk memberi tekanan kepada penyelesaian konflik Asia Barat itu.

“Kita berpendapat perkara pokok ialah mengambil kira keadaan di Palestin supaya rundingan segera dimulakan berasaskan Pelan Damai yang telah dipersetujui.

“Selagi tidak ada hasrat untuk berbincang, keganasan akan terus berlaku,” ujarnya.



ABDULLAH AHMAD BADAWI dan ketua-ketua delegasi negara-negara anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) selepas sesi foto bersama pada upacara pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri NAM di Putrajaya, semalam.